

26 JAN 1997

NGO PERLU UTAMAKAN KEPENTINGAN NEGARA, KATA ABDULLAH

KEPALA BATAS, 26 Jan (Bernama) -- Pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mesti mengutamakan kepentingan negara dalam apa jua tindakan mereka semasa menjalin hubungan dengan NGO lain di luar negara, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Apa jua tindakan yang hendak diambil, mereka hendaklah mengingatkan diri mereka bahawa memelihara maruah, kedaulatan, kepentingan negara dan hubungan antara kaum adalah perkara penting, katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan Hari Raya kepada 46 orang miskin dalam kawasan Parlimen Kepala Batas di sini hari ini.

Sudah sewajarnya semua NGO tidak mengambil tindakan yang boleh membantu NGO luar atau bertindak dengan cara "membuka pintu" kepada mereka untuk memburuk-burukkan Malaysia, katanya ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung perkara itu baru-baru ini.

Bagaimanapun Abdullah berkata setakat ini beliau tidak mempunyai sebarang maklumat bahawa NGO tempatan dijadikan sasaran untuk merosakkan negara ini.

"Walaupun mungkin sudah berlaku, apa yang penting NGO mesti sentiasa sensitif dan memastikan mereka tidak dijadikan sasaran kegiatan golongan NGO luar negara," katanya.

Abdullah berkata jalinan hubungan dengan NGO negara lain memang baik tetapi badan bukan kerajaan di negara ini perlu berhati-hati kerana dalam keghairahan menggerakkan pertubuhan kemungkinan ada NGO terbawa-bawa dengan emosi tentang sesuatu isu.

Oleh itu dalam apa jua tindakan, semestinya tindakan itu berasaskan kepada kepentingan negara. -- BERNAMA

NH AHM RON